

マレーシア語:

Assalamualaikum. Nama saya Amir Mukhriz. Saya berasal dari Negeri Sembilan, Malaysia. Saya adalah seorang mahasiswa tajaan JPA di Fakulti Sains dan Kejuruteraan di Universiti Hirosaki. Saya belajar tentang Kejuruteraan Mekanikal Pintar dan pada tahun ke-4, saya telah memasuki makmal yang penyelidikannya bertemakan kejuruteraan perubatan. Kajian saya adalah berkaitan penilaian kuantitatif Nordic Walking. Saya suka bersukan dan gemarkan aktiviti luar. Jadi, walaupun penyelidikan ini agak sukar, saya berasa puas hati kerana dapat membuat penyelidikan ini.

Semasa berada di Universiti Malaya, saya mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran di universiti yang lebih besar daripada Universiti Hirosaki. Tetapi, keunikan Hirosaki berbanding tempat lain membuatkan saya tertarik untuk belajar di sini. Hirosaki adalah umpama kampung di mana udaranya nyaman, sungainya mengalir jernih, pemandangan yang indah sepanjang 4 musim, orang-orangnya yang peramah, dipenuhi pelbagai budaya yang unik dan bangunan-bangunan bersejarah yang masih terpelihara, dan jauh dari kesibukan kota.

Belajar kejuruteraan dalam Bahasa Jepun sebenarnya agak sukar kerana banyak istilah sains yang ditulis dalam tulisan Kanji yang perlu dihafal. Tetapi cabaran perlu dihadapi dan orang yang telah mengatasi cabaran-cabaran yang sukar akan lebih cerah peluangnya untuk berjaya dalam hidup. Kepada sesiapa yang berminat untuk melanjutkan pelajaran di sini tetapi merasakan banyak halangannya, masa hadapan tidak akan terjadi seperti yang diharapkan. Hadapi segala halangan dan terus berusaha kerana masa hadapan yang cerah sedang menunggu.

